

ENAKMEN KELUARGA ISLAM: DI MANA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG NUSYUZ SUAMI?

Roselind Nadiera Talib ⁱ, Zul-Kifli Hussin ⁱⁱ, Sharifah Nurulhuda S Ab Latif ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: roselindnadiera@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. zul-kifli@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. sharifahnurulhuda@usas.edu.my

ABSTRAK

Polemik nusyuz sering berlaku antara pasangan suami isteri sehingga mampu mengakibatkan keretakan rumah tangga. Walaupun nusyuz sering dikaitkan dengan perilaku isteri yang tidak taat, namun tidak dinafikan bahawa nusyuz turut boleh berlaku dalam kalangan suami. Namun, peruntukan undang-undang berkaitan masalah nusyuz hanya berkaitan dengan perilaku isteri, namun tiada peruntukan untuk suami. Kesamaran dan ketidakseimbangan undang-undang nusyuz boleh menggugat nilai keadilan dan cenderung menganiaya para isteri sekiranya tidak diperincikan dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis ruang-ruang peruntukan undang-undang nusyuz suami dalam Enakmen Keluarga Islam Perak serta mencari ketersediaan solusi dari sudut undang-undang untuk para isteri tanpa perlu melalui pembubaran perkahwinan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur terhadap informan serta menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Data seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa masih terdapat ruang dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi menangani nusyuz suami. Hal ini dapat dilakukan dengan memberikan tafsiran yang lebih meluas terhadap Seksyen 121 EKIP. Kajian mencadangkan penguatkuasaan kepada Seksyen 121 EKIP disamping hakim hendaklah memberi tafsiran yang lebih jelas terhadap seksyen tersebut.

Kata-kata kunci: *Tafsiran baharu, Seksyen 121, Enakmen Keluarga Islam, Nusyuz Suami, Bukti*

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan sebuah ikatan yang menghalalkan hubungan di antara lelaki dan perempuan (Nur Faezah & Bahiyah, 2022). Melalui perkahwinan, seseorang itu akan menikmati sakinah, mawaddah dan rahmah yang mana ia menjadi tunjang dan intipati terpenting kepada kebahagiaan rumah tangga. Namun realitinya, pergaduhan antara suami isteri seringkali berlaku dan antara punca utama adalah kerana sikap ketidakbertanggungjawab terhadap pasangan masing-masing. Tanpa disedari, pengabaian hak dan tanggungjawab ini merupakan salah satu faktor yang boleh menyebabkan suami atau isteri disabitkan nusyuz.

Walaupun bagaimanapun, dalam kalangan masyarakat perkataan nusyuz ini begitu sinonim dengan sikap isteri yang tidak patuh dan ingkar dengan perintah suaminya. Sedangkan, *nusyuz* juga

turut boleh berlaku dalam kalangan suami iaitu apabila suami mengabaikan tanggungjawabnya dengan culas dalam memberi nafkah zahir dan batin kepada isteri, menganiaya isteri sama ada dari sudut fizikal atau emosi, tidak menunaikan hak-hak ke atas isteri dan tidak berlaku adil ketika berpoligami (Fahmi Ramli, 2019). Menurut Muhammad Zuhaili (2007), nusyuz suami ditakrifkan sebagai meninggalkan tanggungjawabnya serta menyakiti pasangannya. Allah SWT juga turut menyebut perihal nusyuz suami di dalam Surah An-Nisa' ayat 128 :

وَإِنِ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا
صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ

Maksudnya: “Dan jika seorang perempuan khawatir suaminya akan nusyuz atau bersikap tidak acuh, maka keduanya dapat mengadakan perdamaian yang sebenarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka)...”

Jika ditinjau dari sudut undang-undang pula, peruntukan yang ada hanya berkaitan *nusyuz* isteri sahaja. Sekiranya seseorang isteri berlaku ingkar dengan tidak mentaati suaminya, maka suami boleh memfailkan kes *nusyuz* ke atas isterinya di Mahkamah Syariah seperti di bawah Seksyen 60 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 dan isteri akan dikenakan tindakan dari sudut penafian nafkah sehingga isteri kembali bertaubat. Ringkasnya, pensabitan *nusyuz* menatijahkan terhalangnya hak nafkah ke atas isteri. Dari sudut ini, ia dilihat masih membuka ruang untuk memperbaiki kehidupan berumah tangga dan menjadikan hubungan suami isteri lebih baik.

Namun begitu, bagi masalah suami *nusyuz* pula masih lagi tiada peruntukan yang digubal untuk membolehkan para isteri memfailkan *nusyuz* terhadap suaminya di Mahkamah Syariah. Menurut Hafiz Roslan (2020), memang tidak dinafikan bahawa dalam Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, tiada sebarang peruntukan bagi menjelaskan kedudukan nusyuz suami. Penyelesaian yang disediakan oleh undang-undang hanyalah menjurus kepada pembubaran perkahwinan sahaja iaitu melalui cerai secara baik, fasakh atau khulu'. Sedangkan Rasulullah SAW pernah bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah “ Perbuatan halal yang paling dibenci Allah ialah cerai.” Syed Qutb (2010) dalam Tafsir Fi Zilalil Quran ada menyatakan bahawa perdamaian itu pada umumnya adalah lebih baik dari perbalahan, pengabaian, nusyuz dan perceraian.

Adapun dalam setiap konflik rumah tangga akan membawa kepada dua jalan penyelesaian, sama ada berpisah atau menyelamatkan rumah tangga dengan memperbaiki hubungan yang sedia ada. Seksyen 60 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 misalnya kelihatan membuka ruang agar hubungan suami dan isteri terus dibaiki kerana memperlihatkan peruntukan tersebut memberi peluang kepada isteri yang disabitkan *nusyuz* untuk kembali bertaubat iaitu dengan kembali mentaati suami sekiranya ingin terus mendapatkan hak nafkah dari suami. Dengan kata lain, sekiranya isteri berlaku *nusyuz*, masih diberi pilihan kepada suami sama ada untuk membubarkan perkahwinan atau berdamai antara satu sama lain. Berbeza pula dalam hal *nusyuz* suami. Setelah diteliti peruntukan-peruntukan yang ada, sekiranya isteri mendapati suaminya berlaku *nusyuz* maka penyelesaian yang disediakan oleh undang-undang hanya

membawa kepada pembubaran perkahwinan sahaja. Dari sini kelihatan isteri seolah-olah tidak diberi peluang dan pilihan untuk menyelamatkan rumah tangga. Justeru, sekiranya isteri hendak menyelamatkan perkahwinan, satu-satu cara dan solusi yang disediakan hanyalah dengan mendapatkan khidmat nasihat atau rundingan di Unit Rundingcara Keluarga di Jabatan Agama Islam yang pada hakikatnya solusi ini bersifat tidak mengikat dan bersifat pilihan sendiri.

Persoalannya, adakah terdapat peruntukan undang-undang sedia ada yang mampu untuk menangani masalah *nusyuz* suami dan menyelamatkan rumah tangga sekaligus menjadikan suami kembali menjalankan tanggungjawabnya pada isteri. Melihat kepada permasalahan ini, maka satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji tentang ketersediaan solusi dari sudut undang-undang untuk para isteri mendepani masalah *nusyuz* suami tanpa perlu melalui pembubaran perkahwinan. Perbincangan dalam kajian ini akan membawa kepada tiga isi utama iaitu hak dan tanggungjawab suami isteri dalam rumahtangga, undang-undang *nusyuz* di bawah Enakmen Keluarga Islam di Malaysia khususnya bagi negeri Perak serta solusi bagi menangani masalah *nusyuz* suami menurut perspektif undang-undang.

KAJIAN LITERATUR

Secara dasarnya, perbincangan tentang *nusyuz* suami telah dikaji oleh Bagus Kusumo Hadi et al, (2024) dalam kajian yang bertajuk “*Nusyuz Suami dalam Hukum Keluarga Islam Serta Implikasi dan Penyelesaian dalam Normatif Yuridis*”. Kajian ini menunjukkan bahawa *nusyuz* juga turut berlaku dalam kalangan suami apabila suami menampakkan sikap ketidakpedulian, meninggalkan kewajipan, bersikap kasar terhadap isteri dan sebagainya. Dapatan kajian mereka juga mendapati bahawa penyelesaian sengketa *nusyuz* suami dapat diselesaikan dengan cara sulh, ihsan dan *ittiqah* sehingga terciptanya perdamaian di antara keduanya. Sekiranya tidak ada titik penyelesaian, maka jalan terakhir yang isteri boleh lakukan ialah memfailkan khulu’ di mahkamah.

Dari aspek perundangan pula, sehingga kajian ini dijalankan masih lagi tiada kajian yang khusus berkenaan undang-undang bagi *nusyuz* suami. Namun, kajian yang dilakukan oleh Amir Fariz et. al (2014) dalam kajian mereka iaitu “*Pensabitan Nusyuz Isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak*” telah menyentuh serba sedikit berkaitan peruntukan undang-undang berkaitan *nusyuz* dalam Enakmen Keluarga Islam Perak (2004). Dalam kajian tersebut telah menyatakan bahawa peruntukan undang-undang *nusyuz* masih terdapat kelompongan kerana tidak ada yang mengkhususkan sabitan *nusyuz* suami dalam enakmen tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007), metodologi dapat ditakrifkan sebagai sistem yang merang-kumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan dan disiplin. Manakala menurut Albert Sydney (2017), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Kajian ini telah menggunakan pendekatan reka bentuk kajian secara kualitatif dalam melengkapkan penyelidikan. Bogdan dan Taylor dalam Lexy J Moleong (2007) menyatakan bahawa metodologi kualitatif merupakan prosedur penelitian yang menghasilkan data

deskriptif berupa kata-kata tertulis mahupun lisan daripada manusia dan tingkah laku yang diperhatikan. Pada penelitian kualitatif, peneliti lebih menekankan pada kedalaman data yang didapatkan. Semakin dalam serta semakin jelas data yang diperoleh, maka semakin baik pula kualiti dari penelitian kualitatif. Penggunaan kaedah kajian kes ini membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang kewajaran keperluan undang-undang nusyuz suami serta ketersediaan undang-undang sedia ada sebagai solusi bagi mengelakkan masalah nusyuz suami.

Selain itu, kajian lapangan juga telah dilaksanakan bagi mengumpul dan mendapatkan data-data yang bersifat primer dan mempunyai kaitan dengan undang-undang syariah. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), sumber data primer ialah responden dan informan. Pemilihan sampling dilakukan secara khusus melalui kaedah purposive sampling iaitu informan yang dipilih mempunyai kepakaran dalam bidang kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih pendekatan temubual dalam menyelesaikan kajian lapangan. Menurut Farah Najwa dan Siti Aisyah (2022), temubual merupakan suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih. Pengkaji telah menjalankan temu bual separa berstruktur terhadap pengamal undang-undang iaitu Tuan Ridzuan sebagai Hakim Syarie di Mahkamah Syariah Ipoh. Sebelum temu bual dilakukan, tema dan bentuk soalan-soalan asas telah ditetapkan terlebih dahulu, tetapi pada masa yang sama, soalan susulan tetap akan diajukan ketika temubual sedang berlangsung. Pada asasnya, soalan-soalan asas yang ditentukan lebih awal dibentuk melalui perbincangan bersama penyelia akademik dengan mengambil kira elemen utama persoalan dan objektif kajian.

Metod kajian kepustakaan merupakan kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini bagi memperolehi maklumat yang bersifat fakta, teoritikal dan deskriptif. Menurut (Mohd Faizal (2009), kajian kepustakaan dilakukan bagi mendapatkan sorotan ke atas bahan-bahan literatur seperti buku-buku ilmiah, jurnal, artikel seminar dan laporan. Oleh itu, sebelum memulakan kajian pengkaji telah mengumpul terlebih dahulu bahan-bahan penulisan yang bersangkutan dengan tajuk kajian dengan mengakses artikel-artikel berkaitan di laman-laman web seperti Perpustakaan Universiti Malaya dan penerbit-penerbit universiti luar. Antara buku yang menjadi rujukan utama dalam kes ini ialah Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 dan Pemakaian Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Analisis terhadap data-data yang telah dikumpulkan perlulah dilakukan kemudian diolah bersesuaian dengan tajuk kajian. Metod analisis data yang digunakan dalam kajian ini ialah metod induktif. Menurut Farah Najwa dan Siti Aisyah (2022), pendekatan induktif ialah proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaiannya dan ia berlaku secara berterusan dimana pengumpulan maklumat akan terus dilakukan sehinggalah satu-satu masalah tertentu itu dapat difahami secara terang ataupun penyelesaian dapat ditemui. Data yang telah dikumpulkan daripada kajian temu bual diberikan kod dan dihuraikan menjadi ayat yang mudah difahami untuk dipaparkan dalam hasil atau dapatan kajian. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan kaedah analisis tematik. Menurut Braun & Clarke (2006), analisis tematik merupakan salah satu cara untuk menganalisa data dengan tujuan untuk mengidentifikasi pola atau untuk menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh peneliti. Dalam kajian ini, data yang didapati akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik (thematic analysis). Oleh itu beberapa tema telah dikeluarkan hasil daripada temubual yang telah

dijalankan oleh pengkaji dan telah meletakkan kod seperti In1/B1-15/300824 dihujung transkrip temubual. In bermaksud Informan, B1-15 merujuk kepada baris pertama hingga lima belas dan 300824 pula ialah tarikh temubual dijalankan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hak-Hak Dan Tanggungjawab Suami Isteri Dalam Perkahwinan

Menurut Md Zawawi (2008), setiap manusia mempunyai haknya sendiri dan bertanggungjawab pula untuk menunaikan hak pihak lain. Begitu juga bagi suami dan isteri, setiap daripadanya mempunyai hak dan tanggungjawab masing-masing yang perlu ditunaikan. Syariat Islam telah membahagikan hak suami dan isteri dalam perkahwinan kepada tiga bahagian iaitu hak isteri terhadap suami, hak suami terhadap isteri dan hak bersama di antara suami isteri (Mahmood Zuhdi & Raihanah Azahari, 1989). Maka menjadi kewajipan kepada setiap pasangan suami isteri untuk menjalankan tanggungjawab bagi memenuhi hak masing-masing sebagaimana yang disebut dalam potongan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud "...seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya dan dia akan diminta pertanggungjawaban terhadap mereka. Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga, suami dan anak-anaknya dan dia akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpinya...".

Hak-hak suami terhadap isteri lebih memberi perhatian kepada tanggungjawab, peranan, dan kedudukan suami sebagai seorang pemimpin kepada isteri dan anak-anaknya (Azhar Muhammad & Kamarul Azmi, 2004). Maka, seorang isteri itu wajib untuk melaksanakan tanggungjawabnya bagi memenuhi hak-hak seorang suami selagi mana ia tidak bertentangan dengan akidah, syarak dan akhlak Islam. Antara hak suami yang wajib ditunaikan oleh isteri ialah ketaatan sepenuhnya kepada suami selagi mana ia tidak bertentangan dengan syarak, menjaga maruah dan kehormatan suami, tidak keluar dari rumah tanpa izin suami serta melayani suami dengan baik.

Dalam sebuah perkahwinan, isteri juga mempunyai hak-hak yang wajib untuk ditunaikan oleh suami. Walaupun secara zahirnya, suami mempunyai tanggungjawab yang lebih besar di dalam institusi keluarga, namun ia tidak bermakna hak-hak isteri boleh dinafikan. Antara hak-hak isteri yang dipertanggungjawabkan ke atas suami adalah seperti penerimaan nafkah. Menurut Syed Sabiq (1973), ulama' fiqh kebiasaannya membahagikan nafkah itu kepada beberapa keperluan utama iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pelajaran, perkhidmatan dan seumpamanya.

Selain itu, isteri juga mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan sama ada dari sudut fizikal, mental dan emosi. Perlindungan dari sudut fizikal adalah dari aspek memenuhi keperluan material isteri (Siti Halimah dan Raihanah Azahari, 2020). Manakala, perlindungan mental dan emosi pula merupakan tanggungjawab suami untuk melayani isteri dengan baik sebagaimana yang disebut dalam potongan Surah an-Nisa' ayat 19 yang bermaksud "dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri kamu itu) dengan cara yang baik...". Tuntutan bergaul baik dengan isteri dalam ayat ini bermaksud memperelokkan kata-kata dan tingkahlaku kepada

isteri (Ibnu Kathir, 2007). Seorang suami perlulah memainkan peranan sebagai pemimpin rumah tangga dengan berusaha dan memastikan agar isteri sentiasa rasa selamat dan dilindungi oleh suami serta jauh dari segala hal-hal yang buruk dan negatif.

Pembubaran perkahwinan Akibat Tidak Melaksanakan Tanggungjawab

Isu pengabaian tanggungjawab sering berlaku dalam kalangan suami isteri. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nor Dalilah *et.al* (2023), hasil dari penelitian statistik punca aduan rundingcara rumahtangga mereka mendapati bahawa isu kebertanggungjawaban memainkan peranan yang penting kepada konflik rumah tangga muslim di Malaysia. Statistik tersebut telah memaparkan faktor tidak bertanggungjawab merupakan aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 126,635 aduan.

Menurut Solihah Mansor (2023), faktor yang sering menjadi punca kepada sesebuah perceraian itu adalah disebabkan oleh pengabaian tanggungjawab pasangan dalam perkahwinan. Di Malaysia, apabila berlaku pengabaian tanggungjawab dari salah satu pihak suami isteri, maka mereka boleh menuntut hak mereka di Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, bagi isteri yang tidak melaksanakan tanggungjawabnya seperti tidak menurut perintah suami, maka suami boleh memfailkan *nusyuz* terhadap isterinya di Mahkamah Syariah. Apabila mahkamah telah mengesahkan sabitan *nusyuz* tersebut, maka hak isteri untuk mendapatkan nafkah akan dinafikan sehingga isteri kembali bertaubat. Menurut Diana Azis (2022), pensabitan isteri sebagai *nusyuz* hanya boleh dilakukan oleh Mahkamah Syariah dan bukannya dakwaan oleh suami secara lisan.

Selain itu, pemeliharaan hak-hak isteri di dalam Enakmen Keluarga Islam di Malaysia dapat dilihat apabila isteri yang tidak mendapatkan hak yang sepatutnya diperoleh dari suami, maka mereka boleh menuntut pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah. Mengambil contoh daripada Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 di bawah Seksyen 53 berkaitan pembubaran perkahwinan melalui *fasakh*, telah dinyatakan bahawa :

“Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh...”

Sebagai contoh, di dalam kes *Maisyarah Binti Ali lwn Mohd Syarifuddin Bin Abd Halim*, mahkamah telah meluluskan permohonan Plaintiff untuk membubarkan perkahwinan dan memfasakhkan perkahwinannya dengan Defenden di bawah Seksyen 53 kerana Defendan didapati telah cuai iaitu tidak menjalankan tanggungjawab dan cuai dalam menyediakan nafkah zahir buat Plaintiff selepas empat bulan perkahwinan dan terus menghilangkan diri, lazim menyakiti serta menganiaya dan menjadikan kehidupan Plaintiff menderita.

Di samping itu, isteri juga boleh memohon pembubaran perkahwinan melalui Seksyen 47 EKI (Perak) 2004 iaitu perceraian dengan *talaq* dan juga perceraian *khulu'* atau cerai tebus talak di bawah Seksyen 49 EKI (Perak) 2004. Peruntukan-peruntukan yang disebutkan di atas adalah merupakan salah satu usaha untuk menjaga dan melindungi hak para isteri yang teraniaya. Namun begitu, meskipun isteri mendapatkan haknya, namun ia tetap berakhir dengan

pembubaran perkahwinan yang mana sepatutnya pembubaran perkahwinan atau perceraian merupakan jalan terakhir jika semua usaha memulihkan perkahwinan gagal dicapai (Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, 2024).

UNDANG-UNDANG NUSYUZ DI BAWAH ENAKMEN KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

Apabila isteri tidak berlaku taat atau mengingkari perintah suami, undang-undang memberikan hak kepada suami untuk memfailkan *nusyuz* misalnya di bawah Seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004. Namun, apabila suami pula yang berlaku *nusyuz*, tiada mana-mana peruntukan yang boleh digunakan oleh isteri untuk menangani masalah tersebut.

Melalui penelitian yang telah dilakukan di dalam kajian Amir Fariz *et.al* (2014), mereka mendapati bahawa *nusyuz* hanya dinyatakan pada Bahagian VI, iaitu Nafkah Isteri, Anak dan Lain-lain dibawah perkara Kuasa Mahkamah untuk Memerintahkan Nafkah bagi Isteri dan Kesan *Nusyuz*, iaitu seksyen 60 (2) dan 60 (3). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa masalah *nusyuz* tidak mempunyai peruntukan yang khusus dalam Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 dan tidak disebut secara berasingan sebagaimana peruntukan yang lain berkaitan pembubaran perkahwinan. Sebaliknya, ia hanya dinyatakan di bawah perkara berkaitan nafkah.

Maka, dapat disimpulkan bahawa peruntukan berkaitan persoalan *nusyuz* ini masih lagi tidak jelas dan wujud kekaburan serta kesamaran. Sekiranya perkara ini terus berlaku dan dibiarkan, ia akan memungkinkan berlaku penghakiman yang tidak konsisten antara satu kes dengan satu kes lain (Amir Fariz *et.al*, 2014). Kesamaran peruntukan undang-undang *nusyuz* yang sedia ada kelihatan tidak mampu untuk menyelesaikan polemik dalam kalangan masyarakat dan ditambah lagi dengan peruntukan-peruntukan yang ada berkaitan masalah *nusyuz* hanya melibatkan *nusyuz* isteri sahaja dan tiada mana-mana peruntukan yang menyebut tentang *nusyuz* suami. Sedangkan Allah SWT telah menyebut dalam Al-Quran bahawa *nusyuz* boleh berlaku dalam kalangan isteri dan suami sebagaimana yang disebut dalam Surah An-Nisa ayat 34 dan 128.

Oleh itu, dari sini penulis melihat wujudnya ketidakseimbangan ketika peruntukan undang-undang digubal seolah-olah undang-undang tidak mesra wanita dan hanya memperakui hak seorang suami sekaligus menafikan hak para isteri. Sekiranya tiada tindakan yang diambil oleh pihak-pihak tertentu, dikhuatiri sedikit sebanyak mampu menggugat nilai keadilan kepada pihak yang bertelingkah seterusnya menyumbang kepada satu lagi perspektif negatif terhadap kewibawaan Mahkamah Syariah.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa Mahkamah Syariah juga telah memelihara hak para isteri yang berhadapan masalah *nusyuz* suami dengan membenarkan mereka menuntut cerai melalui Seksyen 47 EKI dan fasakh melalui Seksyen 53 EKI. Namun begitu, penyelesaian yang disediakan ini seolah-olah tidak memberi pilihan kepada isteri untuk menyelamatkan rumah tangga sebaliknya hanya terus kepada jalan pembubaran perkahwinan. Adapun dalam setiap konflik rumah tangga akan membawa kepada dua jalan penyelesaian, sama ada berpisah atau menyelamatkan rumah tangga dengan memperbaiki hubungan yang sedia ada. Oleh itu,

dalam situasi ini ada isteri yang ingin terus melakukan perceraian kerana melihat sudah tidak ada harapan dalam perhubungan. Maka, mereka boleh meneruskan dengan memfailkan sama ada Seksyen 47 EKI atau Seksyen 53 EKI di Mahkamah Syariah. Namun, ada juga isteri yang masih menyayangi suaminya dan ingin menyelamatkan rumah tangga meskipun terpaksa berhadapan dengan suaminya yang *nusyuz*.

SOLUSI BAGI MENANGANI MASALAH NUSYUZ SUAMI MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Penggubalan undang-undang keluarga Islam berfungsi sebagai mekanisme penting untuk melindungi dan memperkasakan dan melindungi hak individu, memastikan keadilan dan menggalakkan kesaksamaan dan keterangkuman (Dina et al., 2024). Begitu juga dalam konteks perundangan keluarga Islam, ia juga sepatutnya memelihara hak dan mementingkan keadilan antara pasangan suami dan isteri. Setelah meneliti segala ketersediaan undang-undang bagi menangani masalah *nusyuz* suami, penulis mendapati bahawa kesemua undang-undang yang ada hanyalah membawa kepada perceraian dan pembubaran perkahwinan. Namun sebenarnya telah wujud satu peruntukan yang memelihara hak isteri agar tidak terus diabaikan oleh suami dan isteri boleh melakukan permohonan agar suami kembali hidup bersama isteri. Peruntukan tersebut telah dinyatakan di bawah Seksyen 121 Enakmen Keluarga Islam Perak iaitu :

Perintah Supaya Hidup Bersama Semula

Permohonan oleh isteri yang ditinggal langsung

121. Jika seseorang telah tidak lagi hidup bersama dengan isterinya mengikut cara yang dikehendaki oleh Hukum Syarak, isteri itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah supaya orang itu hidup bersama semula dengannya.

Seksyen 121 ini adalah merupakan satu-satunya peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Keluarga Islam yang memberi hak kepada isteri untuk melakukan permohonan di Mahkamah bagi mendapatkan perintah agar suaminya hidup bersamanya semula. Namun begitu, penggunaan Seksyen ini masih lagi tidak meluas dan jarang digunakan oleh para isteri. Hal ini dapat dibuktikan dengan dapatan dalam temubual bersama informan. Informan telah menyatakan seperti yang berikut:

“ Setakat saya menjadi hakim sama ada hakim mahkamah rendah atau mahkamah tinggi, setakat ni di Perak masih belum ada lagi yang guna Seksyen 121 ni. Memang jarang lah orang nak guna seksyen ni, sebab orang tak tahu pun boleh guna seksyen ni.” (In1/B311-314/300824)

Penggunaan Seksyen 121 EKIP tidak sering digunakan sebagai salah satu cara untuk para isteri mendapatkan haknya dalam rumah tangga adalah kerana tafsiran pada Seksyen 121 EKIP masih lagi tidak dilakukan secara meluas dan mengakibatkan wujudnya kesamaran dan keaburan dalam peruntukan ini. Namun, harus diakui juga bahawa undang-undang memang sengaja

dibiarkan kabur dan samar. Kabur dan samar bukan bermaksud tidak jelas dan langsung tidak difahami. Sebaliknya ia bermaksud pemahamannya boleh difahami bergantung bagaimana cara ia ditafsirkan (Zul-kifli Hussin et al., 2023). Hakim Bicara boleh memberi tafsiran yang lebih luas tentang maksud ‘tidak lagi hidup bersama dengan isterinya mengikut cara yang dikehendaki oleh Hukum Syarak’. Sekiranya seksyen ini diberikan tafsiran yang lebih jelas, sebenarnya ia mampu membuka ruang kepada isteri untuk menggunakan Seksyen 121 ini bagi menggesa suaminya yang bersikap nusyuz agar kembali hidup bertanggungjawab dan menjalankan hubungan seperti suami isteri. Melalui temu bual bersama salah seorang informan, beliau memberikan tafsiran terhadap makna ‘tidak lagi hidup bersama dengan isterinya mengikut cara yang dikehendaki oleh Hukum Syarak’ adalah seperti yang berikut:

“Contohnya macam sekaranglah, study luar negara. Bila balik ala-ala macam western lah. Tak sembahyang, minum arak dan sebagainya. Maknanya dari segi institusi kekeluargaan tu takdelah. Anak bebas bergaul dan sebagainya. So kalau ada aduan terhadap perkara tersebut, so boleh diambil tindakanlah. Jika ada sebarang bentuk yang tidak baik dalam perkahwinan, jadi isteri boleh mohon bawah 121. Sebab suami dah jauh menyimpang kan.” (In2/B300-306/300824).

Melalui tafsiran tersebut, dapat disimpulkan bahawa ‘tidak lagi hidup bersama dengan isterinya mengikut cara yang dikehendaki oleh Hukum Syarak’ ialah apabila seorang suami melakukan perkara-perkara yang dilarang agama Islam sepanjang dalam tempoh perkahwinannya dan tanpa disedari ia juga merupakan salah satu daripada perbuatan *nusyuz* suami. Maka, apabila seorang suami tidak memberi nafkah, tidak memberi didikan agama kepada isteri dan keluarganya, menyakiti dan memukul isteri maka sebenarnya ia juga adalah perkara yang bertentangan dengan Hukum Syarak. Oleh yang demikian, para isteri boleh menuntut suaminya agar kembali melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang suami dan meninggalkan segala kehidupan yang bertentangan dengan Hukum Syarak melalui Seksyen 121 Enakmen Keluarga Islam (Perak).

Walaupun bagaimanapun, persoalan sama ada Seksyen ini boleh digunakan atau tidak, menurut Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh iaitu Tuan Haji Mohd Ridzuan bin Yusof, beliau menyatakan bahawa Seksyen 121 ini boleh digunakan oleh isteri untuk menuntut agar suaminya kembali hidup semula bersamanya dengan syarat isteri dapat mengemukakan bukti dan saksi bahawa suaminya telah berkelakuan bertentangan dengan Hukum Syarak.

“Boleh, tapi dia kena kemukakan bukti dan saksi. Yang menunjukkan bahawa suaminya berperwatakan yang bertentangan syarak.” (In2/B307-308/300824)

Menurut Suhaizad Saifuddin et.al, (2019), pembuktian merupakan elemen yang signifikan dalam suatu prosiding perbicaraan dan perlu dikemukakan secara teratur di mahkamah. Bagi mencapai keadilan dalam sesuatu proses perbicaraan, semua fakta dan isu yang dibangkitkan perlu disokong dengan pembuktian yang tuntas dan dikemukakan di hadapan hakim. Sementara, menurut Azizah Mohd Rapini (2018), saksi merupakan pihak yang sangat penting dalam prosiding mal dan jenayah syariah. Oleh itu, sekiranya isteri ingin menggunakan Seksyen 121 untuk memerintahkan suaminya yang nusyuz untuk kembali

hidup bersamanya semula, maka isteri perlulah kemukakan bukti dan saksi yang kukuh terlebih dahulu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, wujudnya ruang pada undang-undang yang sedia ada yang mana sekiranya dikuatkuasakan serta diperkasakan sudah cukup mampu untuk menyelesaikan masalah nusyuz suami. Seksyen 121 EKIP dilihat sebagai salah satu solusi yang boleh digunakan oleh isteri untuk mendapatkan haknya semula disamping mengekalkan hubungan rumah tangga. Namun begitu, penafsiran Seksyen 121 EKIP perlu diperluaskan agar ia menjadi salah satu ruang kepada isteri untuk menggunakan seksyen tersebut untuk menuntut suaminya yang bersikap *nusyuz* agar hidup kembali bersamanya. Walaubagaimanapun, sekiranya isteri hendak menggunakan seksyen ini, isteri dikehendaki menyertakan bukti dan saksi yang menyatakan bahawa isteri telah ditinggal langsung dan suami telah melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

RUJUKAN

- Albert Sydney, H. (2017). *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Oxford University Press.
- Amir Fariz, C. M., Zaini, N., & Fasahah, A. M. (2014). Pensabitan Nusyuz Isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 27-46. <https://mycite.mohe.gov.my/en/files/article/89585>
- Azhar Muhammad, & Kamarul Azmi, J. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Isteri di Kalangan Orang-Orang Melayu. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan*.
- Azizah, M. R. (2018). Amalan Semasa Pengendalian Saksi di Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 75-85. <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/57/43>
- Bagus Kusumo, H., Opia Tatarisanto, Adam Dewantara, P., Asyifa Nur, A., & M.Natsir, A. (2024). Nusyuz Suami dalam Hukum Keluarga Islam Serta Implikasi dan Penyelesaian dalam Normatif Yuridis. *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran*, 73(3), 8837-8847. <https://journal.universitaspahlawan.ac.id/index.php/jrpp/article/view/30550/20853>
- Diana Azis. (2022). Hanya mahkamah boleh isytihar isteri nusyuz. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/223932/khas/wacanaquran/hanya-mahkamah-boleh-isytihar-isteri-nusyuz#google_vignette
- Dina, I. S., Abidah, A. G., & Nurfadhilah, C. A. (2024). Kerentanan dan Perlindungan Undang-Undang : Meneroka Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(2), 181-212. <https://doi.org/10.37052/kanun>.
- Fahmi, R. (2019). *Jangan Ingat Isteri Jer, Suami Pun Boleh Nusyuz*. facebook. <https://www.facebook.com/khairulfahmiassociates/photos/a.921726631289768/2178026732326412/?type=3&theater>.

- Farah Najwa, M., & Siti Aisyah, S. (2022). Keperluan Rang Undang-Undang 355: Analisis terhadap Usul Persendirian Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(1), 107-146. <http://aunilo.uum.edu.my/Find/Record/my.uitm.ir.60500/UserComments>
- Hafiz Roslan. (2020). *Nusyuz Suami*. facebook. <https://www.facebook.com>.
- Ibnu Kathir. (2007). *Tafsir Ibnu Kathir*. Dar al-Salam.
- Kamarul Azmi, J. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. https://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf
- Mahmood Zuhdi, A. M., & Raihanah Azahari. (1989). *Undang-Undang Keluarga Islam Konsep dan Perlaksanaanya di Malaysia*. Karya Abazie.
- Md Zawawi, A. B., & Wan Ab.Rahman Khudzri, W. A. (2008). Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis menurut Fiqh. – *Journal of ethics, legal and governance*, 4, 35-52. <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jgd/article/download/14025/3185/>
- Mohd Faizal, M. (2009). *Kajian Tindakan*. <https://kajiantindakanmohdfaizal.blogspot.com>
- Moleong, L. J. (1989). *Metodologi penelitian kualitatif*. Remadja Karya.
- Muhammad Zuhaili. (2007). *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi*. (Vol. 4). Dar al-Qalam.
- Nur Faezah, M., & Bahiyah, A. (2022). Isu-isu Perhubungan Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Literatur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(1), 98-113. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal>
- Sayyid Sabiq. (1973). *Fiqh al-Sunnah* (Vol. 2). Dar al-Kitab.
- Sheikh Othman, S. S. (Ed.). (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Halimah, P., & Raihanah Azahari. (2020). Kepimpinan Suami Dalam Perspektif Islam : Fungsi dalam Memperkukuhkan Institusi Keluarga. *Jurnal Syariah*, 28(2), 127-156. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/25801>
- Solihah Mansor. (2023). Perceraian Bagi Perkahwinan Yang Berusia Kurang Dari Tempoh Satu Tahun di Mahkamah Syariah Petaling. *Journal of Shariah Law Research*, 8(1), 33-70. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/44945>
- Suhaizad, S., Ruzian, M., & Mohd.Munzil, M. (2019). Kaedah Pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1-34. <https://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/download/3222/1557/>
- Syed Qutb. (2010). *Tafsir Fi Zilalil Quran* (Yusoff Zaky, Trans.). Penerbitan Warisan Sdn. Bhd.

Zul-kifli Hussin, Anwar al-Mustafa, Mustaqim Roslan, Mohd Farouq Nukman, & Anwar Osman. (2023). *Ulasan Penghakiman : Nur Hidayah binti Muhamad Azuan lwn Muhammad Saiful Riezam bin Abdul Khalim*. Al-Qanun: Jurnal Syariah Perak.